

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1997/98

Februari 1998

HKB 221 Kesusasteraan Dan Disiplin Bantu

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab TIGA [3] soalan sahaja.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan “structure of society” (Swingewood) dan “structure of feeling” (Raymond William) dalam kajian sosiologi sastera? Kaitkan kedua-dua konsep tersebut dengan sosiologi dan kesusasteraan untuk memperlihatkan perbezaan-perbezaan kedua-dua disiplin tersebut. Bagaimanakah kedua-dua disiplin ini dapat memanfaatkan satu sama lain?
2. “We should not expect to find directly reflected social realities in art since those pass through a process of ‘mediation’ in which their original content is changed.”
Berdasarkan pandangan tersebut bincangkan ketepatan teori refleksi (de Bonald) dan kewajaran penggunaan karya kesusasteraan sebagai dokumen budaya.
3. Unsur imaginasi seringkali dianggap sebagai faktor yang mencemarkan kebenaran dalam karya kesusasteraan sehingga ia tidak dapat digandingkan dengan falsafah dan sosiologi. Bincangkan untuk menunjukkan bahawa unsur tersebutlah yang sebenarnya menjadikan karya kesusasteraan itu lebih signifikan daripada karya falsafah dan sosiologi.
4. Wilber dalam “Eye to Eye ...” membicarakan proses kelahiran karya kesusasteraan berdasarkan cara-cara pengamatan realiti yang berbeza. Huraikan cara-cara tersebut dan jenis-jenis sastera yang lahir daripadanya. Apakah yang dimaksudkan dengan “the spirit in art”, dan dengan merujuk kepada sebuah karya sastera, perlihatkan penerapan dimensi “spirit” tersebut.

.../2

5. "Bad art is mere affective message. It satisfies the instincts without helping man to solve his struggle for freedom."

Berdasarkan kepentingan-kepentingan kesusasteraan yang berbeza, bincangkan pandangan tersebut daripada perspektif "Functionalism", "Sosialis-Marxis" dan "Psikoanalisis."

6. Falsafah Barat moden bertolak daripada pemikiran Rene Descarte: "I think, therefore I am." Galurkan secara umum perkembangan falsafah moden sehingga lahir pemikiran yang bersifat "theonomous" atau "anthroposentris". Bagaimanakah pandangan hidup begini mengharubirukan kehidupan manusia moden seperti yang terlihat dalam karya-karya kesusasteraan yang dipengaruhi oleh falsafah Existensialisme?

--oo000oo--